



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
BAHAROM BIN HASHIM
PEMBUAT WAU TRADISIONAL MELAYU WAU BULAN

OLEH:

MUHAMMAD RAIHAN BIN DULAHI	2022975007
MUHAMMAD ASWAD BIN AZIZ	2022974841

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
BAHAROM BIN HASHIM
PEMBUAT WAU TRADISIONAL MELAYU WAU BULAN

OLEH:

MUHAMMAD RAIHAN BIN DULABI	2022975007
MUHAMMAD ASWAD BIN AZIZ	2022974841

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN.
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana izin-Nya dapat kami menyiapkan tugas ini iaitu transkrip. Sekalung ucapan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Madam Nurulannisa Binti Abdullah diatas kesudian beliau dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan tugas ini. Tidak terkecuali kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pertolongan sepanjang semester ini berlangsung. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada tokoh yang kami pilih bagi sejarah lisan ini iaitu Encik Baharom Bin Hashim diatas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami sepanjang proses temubual ini dijalankan. Diharap tugas ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

ABSTRAK

ABSTRAK

Temubual ini dijalankan antara dua pihak, iaitu pelajar UiTM Kelantan Cawangan Machang dan tokoh wau tradisional Melayu wau bulan berasal dari Kepala Batas, Kedah yang mahir dalam pembuatan wau tradisional Melayu wau bulan. Tujuan temubual ini dijalankan bagi melengkapkan tugas sejarah lisan yang memerlukan bahan kajian seperti maklumat dan latar belakang tokoh pembuatan wau tradisional Melayu wau bulan. Hasil dapatan kajian ini akan dibincangkan dalam halaman berikutnya.

Kata kunci: *Tokoh, Wau Tradisional Melayu, Wau Bulan, Corak, Bentuk.*

ABSTRACT

This interview was conducted between two parties, namely a student of UiTM Kelantan, Machang Branch and a traditional Malay “wau bulan” figure from Kepala Batas, Kedah who is skilled in making traditional Malay “wau bulan” kites. The purpose of this interview was to complete an oral history assignment that required research materials such as information and background on traditional Malay “wau bulan” makers. The results of this study will be discussed in the next page.

Keyword: *Figure, Traditional Malay Wau, “Wau Bulan”, Pattern, Shape.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	I
Abstrak	II
Isi Kandungan.....	III
Biodata Penemubual.....	IV - V
Biodata Tokoh.....	VI
Pengenalan.....	VII
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01 - 05
Bahagian 2: Pendidikan Tokoh.....	06 - 09
Bahagian 3: Kerjaya Tokoh.....	10 - 37
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	38 - 42
Lampiran	
Log Wawancara.....	43 - 49
Diari Kajian.....	50 - 51
Senarai soalan.....	52 - 58
Surat Perjanjian.....	59
Surat Pengesahan.....	60
Gambar.....	61
Indeks.....	62 - 63

BIODATA

PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL 1



NAMA : MUHAMMAD RAIHAN BIN DULAHİ

TARIKH LAHIR :

TEMPAT LAHIR : Penang

ALAMAT : Bayan Lepas, Pulau Pinang

NO. TELEFON :

EMAIL : Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Kepujian)

PROGRAM : (Pengurusan Sistem)

BIODATA PENEMUBUAL 2



NAMA : MUHAMMAD ASWAD BIN AZIZ
TARIKH LAHIR :
TEMPAT LAHIR : Alor Setar, Kedah
ALAMAT : Jitra, Kedah :
NO. TELEFON :
EMAIL : Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Kepujian)
PROGRAM
(Pengurusan Sistem)

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA : BAHAROM BIN HASHIM
NAMA PANGGILAN : Tokwan
TARIKH LAHIR : (69 TAHUN)
PEKERJAAN : Kontraktor
TEMPAT TINGGAL : Kepala Batas, Kedah
TEMPAT LAHIR : Kepala Batas, Kedah
BIDANG : PEMBUATAN WAU TRADISIONAL MELAYU
NO TELEFON :

PENGENALAN

PENGENALAN

Permainan tradisional merupakan salah satu warisan nenek moyang yang ditinggalkan sejak berzaman. Ia masih diamalkan dan diperturunkan oleh masyarakat sehingga ke hari ini. Kajian ini memfokuskan kepada tokoh pembuat wau tradisional Melayu dari negeri utara iaitu Kedah. Wau tradisional Melayu tersebut ialah wau bulan yang merupakan salah satu permainan tradisional yang agak dilupakan pada zaman sekarang. Individu yang berperanan dalam menghasilkan wau tradisional ini merupakan seorang anak jati yang berasal dari Kepala Batas, Kedah. Beliau ialah Encik Baharom Bin Hashim.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisar tentang temubual seorang tokoh wau tradisional Melayu dari Kedah iaitu Encik Baharom Bin Hashim. Rakaman temubual ini berlangsung selama lima puluh lima minit yang melibatkan dua orang penemubual iaitu Muhammad Raihan Bin Dulahi dan Muhammad Aswad Bin Aziz. Temubual yang dijalankan berlangsung dengan lancar walaupun terdapat sedikit gangguan pada audio rakaman. Berikut adalah hasil rakaman tersebut.

Petunjuk:

T: Tokwan
MA: Muhammad Aswad
MR: Muhammad Raihan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam pembuatan wau tradisional Melayu. Bersama-sama kami ialah Encik Baharom Bin Hashim yang juga lebih mesra dipanggil Tokwan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Jun 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 5 petang bertempat di rumah beliau di Kepala Batas, Kedah. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Aswad dan Muhammad Raihan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MA : Assalamualaikum encik sebelum kita mulakan sesi ini bolehkah kami tahu encik lebih selesa dipanggil wan, Tokwan, ataupun pakcik?

T : Panggil Tokwan lagi elok ya.

MA : Okay[baiklah] sebelum itu kami akan ajukan kepada tokwan beberapa soalan dan soalan pertama ni akan berdasarkan latar belakang tokwan. Tokwan sudah sedia untuk menjawab soalan - soalan kami?

T : Dah[sudah] sedia.

MA : Okay[baiklah] untuk soalan pertama bolehkah tokwan bagi nama penuh tokwan?

T : Nama penuh Tokwan Baharom bin Hashim

MR : Umur tokwan berapa?

T : Umur Tokwan **enam puluh sembilan**[69]

MA : Okay[baiklah] bolehkah saya tahu tarikh lahir Tokwan?

T : Tarikh lahir Tokwan dua puluh bulan sebelas tahun lima puluh empat[20/11/1954]

MR : Bolehkah saya tahu tempat lahir tokwan?

T : Kampung Teluk Gelam.

MA : Okay[baiklah] untuk soalan seterusnya bolehkah saya tahu tokwan berasal dari mana?

T : Tokwan asal dari Teluk Gelam **jugaklah**(jugalah).

MA : **Teluk Gelam jugak ya ?**

T : Ya.

MA : Okay[baiklah] soalan selanjutnya, Tokwan lahir dekat Teluk Gelam, menetap di Teluk Gelam, asal dari Teluk Gelam dan sekarang pun masih tetap menetap di ?

T : Teluk Gelam **jugaklah**[jugalah].

MA : Oh menetap pun di Teluk Gelam jugalah?

T : Ya.

MR : Bolehkah kami tahu, berapakah bilangan adik beradik Tokwan?

T : Dua adik beradik

MA : Tokwan anak yang ke berapa?

T : Anak yang sulung.

MA : Adakah ayah dan ibu Tokwan masih ada?

T : **Tidak[tiada]** dah meninggal dah dua-dua.

MA : Bolehkah saya tahu nama ayah Tokwan?

T : Hashim Bin Ishak.

MA : Nama ibu Tokwan pula bolehkah kami tahu?

T : Nang Manis Binti Mangsat.

MA : Untuk soalan seterusnya bolehkah tokwan ceritakan sedikit tentang cara didikan dan asuhan yang diberikan oleh ibu dan ayah tokwan kepada adik beradik tokwan?

T : Ayah tokwan dia kerja JKR ,cara dia jaga Tokwan ni boleh katalah gaji tiga ratus ja sebulan dulu.

MR : Boleh kami tahu ayah kepada Tokwan ada berapa adik beradik?

T : Tiga.

MR : Bolehkah kami tahu siapakah nama penuh isteri Tokwan?

T : Itulah tadi Nang Manis.

MA : Itu tadi nama ibu Tokwan, ini nama isteri tokwan?

T : Oh isteri Tokwan ni [ketawa] Sabariah binti Senawi.

MA : Boleh kami tahu Tokwan ada berapa orang anak?

T : Ada enam[6].

MA : Agak ramai ya.

MR : Bolehkah Tokwan cerita sedikit mengenai cara didikan Tokwan kepada anak-anak Tokwan?

T : [ketawa] Tokwan dulu kerja macam – macam , macam kontrak la, buat rumah la, kira macam- macam tempat la Tokwan pi[pergi]

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN TOKOH

MR : Seterusnya kami akan pergi ke bahagian pendidikan, kami akan tanya pasal pendidikan kepada Tokwan, okay[baiklah] boleh tak kami tahu tentang pendidikan awal Tokwan?

T : Boleh ja.

MR : Okay[baiklah], bolehkah kami tahu Tokwan mula dapat pendidikan sejak bila?

T : Tahun tak ingat dah.

MR : Tak ingat dah takpa[tiada apa] dari sekolah rendah ka[ke]?

T : Ya dari sekolah rendah.

MA : Bolehkah kami tahu nama sekolah pertama Tokwan?

T : Sekolah rendah Kepala Batas.

MA : Sekolah rendah Kepala Batas tu dekat dengan rumah tokwan ka[atau]
jauh?

T : Jauh jugak[juga].

MA : Jauh jugak[juga] la dari rumah Tokwan ya.

MR : Dalam berapa kilometer?

T : Tokwan pon[pun] taktau[tidak tahu] berapa meter.

MR : Oh takpa-takpa[tidak apa-apa].

MR : Untuk sekolah menengah pula, Tokwan dulu sambung sekolah menengah?

T : Tak[tidak], tak[tidak] sambung dah.

MA : Tokwan dulu sekolah kan, Tokwan pernah menjadi budak-budak so[jadi]
setiap budak-budak pasti ada cita-cita sendiri, bolehkah kami tahu cita-cita
tokwan?

T : Cita- cita tokwan ni masa tu tadak[tidak ada] cita-cita lagi

MR : Oh tadak[tidak ada] cita- cita lagi.

MA : Kalau sekarang?

T : kalau sekarang, kalau boleh tu nak buat rumah besar

MA : Oh impian Tokwan la.

MR : Boleh kami tahu masa Tokwan sekolah dulu pernah tak Tokwan dapat anugerah ataupun sijil apa-apa?

T : Tak[tidak] pernah dapat apa pun.

MA : Boleh kami tahu Tokwan menamatkan zaman persekolahan pada tahun bila?

T : Tokwan tak ingat dah tu [sambil ketawa].

MR : Boleh tak Tokwan ceritakan sedikit pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dan ayah Tokwan ketika Tokwan dan adik beradik Tokwan belajar di sekolah dahulu?

T : Tiada [sambil menggeleng kepala].

MA : Okay[baiklah] bolehkah kami tahu Tokwan dulu pernahkah mengambil pengajian jarak jauh? Jarak jauh seperti ada orang lain datang ke rumah dan mengajar Tokwan.

T : Tadak(tiada).

MA : Tokwan ingat tak lagi, adakah mak dan ayah Tokwan yang menjadi pendorong tokwan untuk berjaya?

T : Tadak[tidak ada] kalau dalam sekolah rendah.

MA : Okay[baiklah] untuk soalan ini tokwan ingat tak lagi kata-kata terakhir ibu bapa tokwan sebelum mereka meninggal?

MR : Macam kata-kata yang selalu tokwan ingat

T : Orang dulu-dulu tak kata apa ikut dia la dia kata nak buat apa.

MA : Okay baik.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA TOKOH

MA : Okay[baiklah] Tokwan untuk soalan seterusnya kami akan masuk soalan tenyang kerjaya diri Tokwan, sebelum itu bolehkah kami tanya Tokwan soal sedikit cara Tokwan buat[membuat] wau?

T : Macam mana nak buat wau eh?

MA : Ya, boleh atau tak[tidak] boleh?

T : Boleh, boleh tanya sikit boleh lah kalau banyak tak boleh lah.

MA : [ketawa]Faham faham.

T : [ketawa]

MA : Untuk soalan yang pertama bolehkah kami tahu motivasi ataupun apakah yang mendorong Tokwan untuk buat wau?

T : Mula-mula buat wau eh?

MA : Benda yang Tokwan rasa yang mendorong Tokwan untuk buat wau?

T : Apa?

MR : Macam mana Tokwan boleh buat wau masa mula-mula?

MA : Motivasi dari siapa? Ataupun tengok dari sapa buat ka?

T : Daripada orang tua-tua lah buat wau, Tokwan belajaq[belajar] dari situ la kan, ambik buluh en, kita raut-raut pas kita raut-raut, buat wau.

MR : Ok boleh kami tahu sejak bila Tokwan menceburi bidang buat wau ni, seni membuat wau ni?

MA : Sejak tahun berapa Tokwan masih ingat?

T : Tahun dalam tujuh puluhan[70].

MR : Awal tahun tujuh puluhan ?

T : Ha [ya]

MR : Apakah ada seseorang yang mengajar Tokwan masa tu? Ada orang yang ajaq Tokwan tak pada masa tu?

T : Ada jugak[juga].

MR : Ada ya?

T : Ada.

MR : Sapa[siapa] dia? Boleh kami tahu? Boleh kongsi? Tak ingat?

T : Pak teh Halim la, dok[duduk] kawan dengan dia masa tu.

MA : Pak teh Halim tu kawan Tokwan ataupun adik beradik Tokwan?

T : Kawan Tokwan la

MA : Kawan Tokwan kan?

T : Mm...[ya].

MA : Bagaimanakah Tokwan belajar buat wau? Belajar dari kawan tu jagak ka?

T : (batuk) belajaq dari kawan Tokwan tu jugak la kan, minta dari kawan Tokwan tu jugak[juga] la kan.

MR : Boleh kami tahu tak berapa lama waktu yang diperlukan untuk membuat satu wau bulan tradisional?

T : Kalau wau bulan tu sehari siap lah.

MR : Sehari dah siap ya?

T : Mm...[ya].

MR : Seterusnya boleh tak kami tahu bahan-bahan utama yang digunakan untuk membuat wau tradisional?

T : Nak buat dia ni, buluh. Tak tanya buluh apa?

MR : Ya ceritalah ?

T : Buluh duri.

MA : Buluh duri?

T : Ha[ya] kita kat sini panggil buluh duri la kan.

MR : Lagi? Bahan-bahan dia lagi?

T : Lagi, qetas[kertas].

MA : Kertas?

T : Ha[ya] qetas[kertas] nak buat wau, tali.

MR : Tali?

T : Tali nak buat wau, gam.

MA : Itu saja kan Tokwan ? yang tu ja ka[ke]? Ataupun ada lagi?

MR : Ada lagi ka[ke]?

T : Dun[daun] ibuih.

MA : **Dun daun apa ?**

T : **Dun[daun] ibuih**

MA : **Dun([daun] ibuih?**

T : **Ha[ya] nak buat dengung dia tu .**

MA : **Okay[baiklah] untuk soalan seterusnya adakah kami boleh tahu, wau tradisional kan memiliki ada simbol sendiri atau simbol makna yang khusus, bolehkah Tokwan kongsikan kepada kami sedikit sebanyak tentang simbol wau tersebut?**

T : **Hehe[ketawa]**

MA : **Simbol wau macam[seperti] bulan, bintang.**

T : **Selalu Tokwan dok buat wau bulan.**

MA : **Wau bulan?**

T : **Ha[ya] wau bulan, wau barat.**

MA : **Wau barat?**

T : **Ha ya.**

MR : **Wau bulan tu simbol dia macam mana?**

T : **Padia[apa dia]?**

MA : **Adakah harus ada wau dan bulan?**

T : **Ada bulan la.**

MR : **Bulan tu[itu] disimbolkan sebagai apa?**

T : **Bulan, tak[tidak] tau[tahu] lah, tidak dia nak timbui[timbul] kat[dekat] mana (ketawa).**

- MA : Okay[baiklah] takpa-takpa[tidak apa-apa].
- MR : Ya takpa-takpa[tidak apa-apa]. Okay[baiklah] kami nak[mahu] tanya macam mana[bagaimana] Tokwan memilih warna dan corak untuk wau bulan Tokwan?
- T : Tokwan selalu dok[duduk] buat kala[warna] hijau, kuning.
- MA : **Hijau kuning ?**
- T : Hijau kuning Kedah la kan
- MA : **Ya hijau kuning kedah.**
- T : **Hehe[ketawa].**
- MR : Okay[baiklah] seterusnya apakah cabaran terbesar yang pernah Tokwan hadapi masa buat wau? Macam[seperti] paling susah la. Part paling susah.
- MA : Part paling susah, ataupun part paling susah Tokwan macam[bagai] mana cara Tokwan nak[mahu] cari bahan untuk buat wau ataupun semasa Tokwan ingin buat wau ada halangan-halangan atau cabaran.
- T : Cabaran tu macam kita tengah dok[duduk] buat tu kan tau-tau[tahu-tahu] wau kita tak[tidak] naik kan. Ada la kan? Cabaran la tu kan?
- MA : **Cabaran, maksud Tokwan angin lah ?**
- T : **Ha[ya]** angin lah. Angin kuat tak[tidak] naik jugak[juga].

MA : Okay[baiklah] boleh kami tahu dengan adanya teknologi-teknologi zaman sekarang ni[ini] adakah dia mempengaruhi Tokwan untuk buat wau ? adakah dengan bantuan teknologi ini dapat membantu Tokwan dalam membuat wau.

T : Tak[tidak] dak[ada] lah teknologi ni. Lapis[zaman] dulu mana[tiada] ada teknologi.[ketawa]

MR : Teruskan secara tradisional jugak[juga] lah?

T : Ha[ya].

MA : Sentiasa gunakan dengan cara tradisional lah kan?

T : Ha[ya].

MR : Okay[baiklah] apakah terdapat cerita menarik yang Tokwan ingin ceritakan tentang membuat wau tradisional Melayu ini ?

T : [batuk] selalu Tokwan buat wau lah kan kira macam lawan ni kan, lawan wau macam tengah tu[itu] wau dok[tengah] naik kan, tau-tau[tahu-tahu] depa[mereka] pi[pergi] potong wau kita time tengah lawan lah kan, kita dapat no dua, depa[mereka] dapat no satu la kan. Tokwan besa la lawan kat rumah zaman dulu ni[ini]. Lama dah la kan, lawan dulu ni[ini], semua wau bulan, lawan.

MR : Lagi, yang tu[itu] saja[sahaja]? Ada lagi nak[mahu] cerita apa-apa kah?

MA : Nak tambah apa lagi ataupun sudah?

T : Tak(tiada) dak dah.

MA : Okay[baiklah] seterusnya apakah karya wau tradisional Melayu yang Tokwan paling berkesan dan spesial bagi Tokwan? Maksud dia macam Tokwan sebelum ni pernah buat wau banyak la kan? Ada tak wau yang kesayangan Tokwan?

MR : Jenis wau spesial Tokwan.

T : Ada, setengah tempat depa[mereka] panggil wau kangkang, wau dalam guni pun depa[mereka] panggil jugak[juga] wau kangkang pun depa panggil jugak[juga]. Wau kangkang yang jenis bentuk bulat tu[itu] kan, bentuk panjang tu[itu] kan, jenis tu[itu] pun Tokwan buat jugak[juga].

MR : Yang tu Tokwan paling suka ka? Paling special?

T : Ha(ya) bentuk dia elok

MA : Adakah Tokwan mempunyai anak murid kah?

MR : Ataupun mengajar orang lain untuk membuat wau tradisional?

T : Ada.

MA : Untuk soalan seterusnya ini adakah dengan buat wau ini, Tokwan rasa macam Tokwan dapat tampil dengan wau?

T : Macam[bagai] mana?

MA : Maksudnya macam[seperti] dengan wau ini dapat mempengaruhi seni Tokwan, seni Tokwan dengan buat wau ini seni Tokwan lebih kreatif ?

T : Ada jugak[juga] macam[seperti] tu.

MR : Okay[baiklah] kami nak[mahu] tanya bagaimanakah Tokwan dapat rasa bila melihat ada orang menghargai dan mengakui karya wau bulan yang Tokwan hasilkan? Tokwan rasa apa bila orang hargai bila Tokwan buat wau bulan?

T : Kita rasa seronok la kan.

MA : Tokwan pernah tak terlibat dalam pameran dan acara khusus dan menunjukkan wau bulan tradisional yang Tokwan hasilkan.

T : Tidak[tidak ada].

MA : Seterusnya bagaimanakah Tokwan menjaga warisan dan budaya wau tradisional Tokwan agar tetap hidup?

T : Macam mana tu?

MA : Maksudnya, Tokwan jaga budaya itu macam Tokwan sentiasa hargai kah?

T : Ha[ya] masa tu[itu] kira Tokwan dok[duduk] hargai la kan, kita kalau boleh kita toksah[jangan] bagi pupus la kan, bagi ada ja tiap-tiap tahun la kan.

MR : Takpayah[jangan] bagi pupus la kan ?

T : Ha ya.

MR : Adakah Tokwan ada inovasi atau perubahan yang Tokwan buat dalam membuat wau tradisional ini? Tokwan ada ubah apa-apa kah dalam buat wau?

T : Ada jugak[juga] lah.

MR : Contohnya macam mana?

T : Macam wau barat, wau kucing pun ada juga, wau helang.

MA : Apakah impian atau harapan Tokwan untuk masa hadapan dalam seni membuat wau ini?

T : Harapan tokwan takdah[tidak ada] la.

MR : Harapan Tokwan untuk mempertahankan ini?

T : Untuk anak cucu kita ka[ke]?

MA : Ya .

T : Ha takdak[tidak ada] la.

MA : Apa pesan yang ingin Tokwan sampai kepada generasi muda yang minat membuat wau?

T : Wau la[sekarang] kalau kita buat dia, budak-budak la boleh kata tak[tidak] berapa mau[mahu] dah. Lapis[generasi] yang minat pun lapis[generasi] Tokwan ni[ini] ja[sahaja] la kan. Yang lain mana ada dah. Budak-budak la[sekarang] mana ada dah yang minat nak[mahu] buat wau

MR : Tapi soalan ini bermaksud pesan kepada orang yang tertarik nak buat wau. Ada pesanan tak? Macam diorang[mereka] ini minat nak buat wau tu. Jadi ada tak pesanan untuk diorang[mereka]?

MA : Untuk generasi muda yang ada cita-cita nak buat wau dan teringin sangat nak buat wau, ada tak pesanan untuk depa[mereka] ini?

MA : Ya kalau ada tu apa pesanan yang Tokwan nak sampai kepada mereka?

T : Tokwan kalau boleh tu[itu] nak suruh depa[mereka] belajaq[belajar] la kan.

MA : Belajaq[belajar] dari Tokwan la kan?

T : Ha[ya] belajaq[belajar] dari Tokwan la.

MA : Okay[baiklah] untuk soalan seterusnya bolehkah kami tahu apakah faedah wau tradisional Melayu dalam mempererat hubungan orang kampung tokwan?

T : Macam mana tu[itu]?

MA : Maksudnya apakah ada faedah wau tradisional Melayu yang Tokwan hasilkan itu kepada masyarakat?

T : Masyarakat la[sekarang] tak[tidak] berapa gemar dah wau bulan ni[ini]. Kalau lapis[generasi] Tokwan ni dulu sungguh. La[sekarang] ni[ini] mana[tidak] ada.

MA : Untuk soalan seterusnya bolehkah kami tahu macam[bagai] mana Tokwan jaga kualiti keaslian wau tradisional Melayu yang Tokwan buat itu pada masa sekarang?

T : Kalau nak jaga tu[itu] rumit juga la kan.

MA : Teliti lah kan?

T : Ha[ya] teliti. Tarik raut buluh tu[itu] bagi elok

MR : Adakah Tokwan memiliki gaya khusus atau ciri khas dalam pembuatan wau tradisional Melayu?

T : Hmm takdak[tidak ada] lah [geleng kepala].

MA : Maksudnya Tokwan macam orang biasa je lah, tiada ciri khas?

T : Hmm ya.

MA : Apakah Tokwan melihat adanya perubahan trend dalam permintaan dan populariti wau tradisional Melayu? Maksudnya soalan saya berbunyi macam zaman sekarang ini adakah Tokwan rasa orang lain yang buat wau itu tidak nampak seperti wau tradisional Melayu dahulu? Nampak wau biasa saja.

T : Bagi Tokwan zaman la ni[ini] dah[sudah] takdak[tidak ada] dah la.

MR : Saya nak tanya, apakah batasan yang Tokwan hadapi dalam menjalankan kerja membuat wau tradisional ini?

T : Macam mana tak[tidak] dengar.

MR : Macam[seperti] batas Tokwan lah yang Tokwan hadapi dalam membuat wau ini? Macam[seperti] ini limit kah untuk membuat wau ini?

T : Nak buat wau ini (batuk) takdak[tidak ada] limit la.

MR : Tokwan boleh ja buat berapa pun?

T : Ya boleh ja buat berapa pun.

MA : Okay[baiklah] macam Tokwan buat dahulu untuk suka-suka ataupun Tokwan ingin menjualnya?

T : Tokwan buat kira macam suka jugak[juga] tapi macam kalau ada orang nak beli tu[itu] pun Tokwan buat jugak[juga], wau tu[itu] sekoq[satu ekor] dalam tiga puluh ringgit[RM 30].

MA : Oh sebiji wau tu tiga puluh ringgit[RM 30]?

T : Ha ya wau bulan la kan masa tu murah ja la tiga puluh ringgit[RM 30].

MR : Saya nak tanya, apakah perbezaan antara wau tradisional Melayu dengan wau dari budaya lain?

T : Kalau nak beza dengan budaya lain ni[ini] dengan kita ni[ini] beza dia wau depa[mereka] lagi canggih la kan. Beza kita macam tu[itu] la macam wau bulan tu[itu] jelah.

MR : Adakah Tokwan mempunyai cerita ataupun lagenda yang terkait dengan wau tradisional Melayu? Maksudnya ada cerita apa-apa yang menarik dengan wau bulan selama Tokwan membuat karya hasil seni wau bulan?

T : Menarik wau bulan ni, dia memang nampak cantik la kan pastu[selepas itu] bila dia naik pun nampak elok ja tegak ja dia naik tu kan dia tak bergoyang, menarik dia tu memang menarik pastu[selepas itu] bentuk dia tu kan nampak elok ja wau bulan ini

MA : Okay[baiklah] untuk soalan seterusnya, apakah Tokwan pernah menghadapi kesulitan dalam mendapatkan bahan-bahan untuk membuat wau?

T : Bahan-bahan dia kiranya mudah ja nak dapat

MA : Oh kiranya macam buluh tu mudah ja la untuk Tokwan dapatkan?

T : Ha ya mudah ja.

MR : Bagaimana Tokwan menjaga kualiti dan ketahanan wau tradisional Tokwan?

T : Jaga kualiti dia, kita ambik[ambil] buluh yang tua.

MR : Oh guna buluh yang tua lagi kuat kah?

T : Ha[ya] lagi kuat, tahan sampai bertahun

MA : Seterusnya apakah ada sebarang ritual ataupun proses khusus yang Tokwan buat dalam pembuatan wau? Maksud saya ada proses khusus sebelum nak buat wau?

T : Takdak[tidak ada] khusus apapun.

MR : Kami nak tanya apakah perbezaan antara wau tradisional Melayu yang digunakan untuk tujuan hiasan dan yang digunakan dalam pertunjukan?

T : Yang pameran ni[ini] kita nampak ja elok kan tapi yang macam Tokwan ni[ini] tak[tidak] boh[letak] kale[warna] apa dah kan. Macam depa[mereka] buat untuk perhiasan tu[itu] depa[mereka] buat corak bagi elok la macam[seperti] hak[di] belah[sebelah] Kelantan kan, depa[mereka] buat bagi elok la, kalau kita takdak[tidak ada] la.

MR : Apakah ada risiko bahawa wau tradisional Melayu akan hilang atau terlupa kan di masa mendatang?

T : Tak[tidak] hilang sebab Tokwan tengok belah[sebelah] Yan, Kedah tu[itu] time petang banyak biji jugak[juga] dok[duduk] naik ja[sahaja], wau bulan ja[sahaja]. Macam kat[dekat] Jitra, Kedah pun ada. Macam Tokwan kalau tengok wau naik kan, rasa minat la kan tengok wau bulan dok[duduk] terbang tinggi

MA : Okay untuk soalan seterusnya adakah Tokwan pernah bekerjasama dengan orang lain untuk menghasilkan wau tradisional wau bulan.

T : Besa[pernah] jugak[juga] buat dengan kawan-kawan

MA : Buat dengan kawan-kawan ya?

T : Hmm ya [mengangguk kepala]

MR : Okay soalan seterusnya adakah Tokwan memiliki rancangan untuk mengajar orang yang dari generasi muda ni untuk membuat wau?

T : Hehe(ketawa) takdah[tidak ada] ahh. Kalau lapis generasi Tokwan ni takdak[tidak ada] lah tapi kalau lapis[generasi] Tokwan dulu ni banyak la mai[datang] kat[dekat] rumah Tokwan sampai penuh tapi bukan la penuh, mai[datang] dalam tiga empat orang mai[datang]

MA : Oh maksud Tokwan zaman dahulu ada la yang datang belajar dengan Tokwan tetapi untuk zaman sekarang ini tiada?

T : Ha ya zaman tujuh puluhan[70] dulu la kan banyak la budak-budak dok[duduk] mai[datang] rumah Tokwan tapi budak-budak tu[itu] taklah[tidak lah] budak sangat kan, depa[mereka] dok[duduk] mai[datang] buat wau sekali dengan Tokwan dulu ni[ini] pastu[selepas itu] depa[mereka] tu[itu] yang tebang buluh pastu[selepas itu] Tokwan buat ja la kan.

MA : Apakah ada pameran atau acara khusus di mana orang dapat melihat dan mempelajari tentang wau tradisional Melayu? Maksud saya di sini pernah tak Tokwan buat pameran wau dekat rumah Tokwan selepas itu panggil orang-orang kampung Tokwan untuk melihat?

T : Buat pameran tu takdak[tidak ada] tapi buat pertandingan tu[itu] ada la sekali sekala kan macam sepuluh biji [ketawa] sepuluh[10] biji pulak[pula] sepuluh[10] ekoq[ekor] wau la kan ada jugak[juga] la dulu.

MA : Bagaimanakah Tokwan merayakan dan mempromosikan hasil kerja wau bulan yang Tokwan buat?

T : Promosi tu takdak[tidak ada] lah.

MR : Apa yang membuatkan Tokwan tetap bersemangat dalam membuat wau tradisional Melayu setelah bertahun-tahun?

T : Buat wau ni Tokwan memang cukup semangat la kan sebab time kita bawak[bawa] dia penaik kan dia ni[ini] dari petang sampai pagi esok ni[ini] kan pastu[selepas itu] dia bunyi dia kan bunyi dengung dia kan bunyi kuat.

MR : Yang tu yang membuatkan Tokwan bersemangat?

T : Ha[ya] yang tu[itu] syok. Ada sesetengah yang boh[letak] lampu liplap kan kat[dekat] wau bulan tu, lampu kecik[kecil]

MA : Okay untuk soalan seterusnya bolehkah kami tahu bagaimana Tokwan simpan wau bulan Tokwan agar sentiasa kelihatan elok saja?

T : [batuk] kalau yang jenis buluh tua ni[ini] elok ni[ini] kita simpan letak atas kan kira tahan buluh wau bulan tu[itu], kalau buluh muda tak[tidak] tahan wau tu. Macam buluh tua tu kita rendam ayaq[air] dulu tiga[3] empat[4] hari baru kita buat wau. Kira dia makan masa sebulan la kan.

MR : Apakah ada wau tradisional Melayu yang memiliki nilai sejarah?

T : Ada ka[ke] nilai sejarah? Tapi macam kalau wau bulan ada la kot[mungkin]. [ketawa]. tapi macam wau bulan ni[ini] takdak[tidak ada] kot[mungkin] rasanya

MA : Pernah tak Tokwan menerima sebarang anugerah penghargaan atau pengakuan atas karya wau tradisional Melayu yang Tokwan hasilkan?

T : Takdak[tidak ada] rasanya.

MA : Bagaimanakah ahli keluarga Tokwan dalam mendukung dan mendorong Tokwan dalam membuat wau tradisional Melayu?

T : Sapa[siapa] yang nak dorong Tokwan kat[dekat] rumah, takdak[tidak ada] ahh tapi lapis tua tu[itu] adalah

MA : Kawan-kawan Tokwan kah?

T : Ha kawan-kawan lah kan, **depa**[mereka] **kata**[beritahu] **wei**[panggil]
mai[datang] buat wau **ni**[ini] **wei**[panggil] mula-mula dulu macam **tu**[itu] la kan

MR : Soalan seterusnya apakah Tokwan ada cerita yang menarik atau peristiwa yang tidak dapat dilupakan yang terjadi dalam perjalanan Tokwan sebagai pembuat wau tradisional Melayu?

T : **Hehe**[ketawa] perjalanan yang **tak**[tidak] boleh dilupakan time Tokwan buat wau ni kan time tu saja ja Tokwan buat wau ni, Tokwan buat wau **ni**[ini] bagi elok la kan Tokwan **boh**[letak] kain, kain kan. **Dok**[duduk] ingat lagi bayang **tu**[itu] kan (ketawa) buat kain nipis ja, tak naik ooo **hehe**[ketawa] tak naik langsung ooo kita pakai kain peluru kain yang putih **tu**[itu] kan, buat-buat tak naik, punca dia kes kain **tu**[itu] ja.

MA : Memang kena guna kain tebal kah?

T : **Dak**[tidak] ahhh memang **tak**[tidak] boleh pakai kain kalau guna kain memang **tak**[tidak] naik tau **dak**[tidak]. Kain **tak**[tidak] boleh dia kena selain kain

MA : Oh jadi kena kertas sahaja?

T : Ha ya, padahal Tokwan time tu ikat kain **tu**[itu] bagi cekang elok ja tapi tulah dia tetap **tak**[tidak] naik.

MA : Okay[baiklah] untuk soalan seterusnya, bolehkah kami tahu apakah Tokwan pernah menghadapi cabaran dalam menjaga proses dalam membuat wau tradisional Melayu?

T : Cabaran nak buat wau ni[ini] takdak[tidak ada] ahhh.

MA : Bagi Tokwan nak buat wau ni senang lah tiada cabaran?

T : Hmm ya [mengangguk kepala]

MA : Pernah tak Tokwan melibatkan orang muda ketika Tokwan membuat wau?

T : Ha[ya] ada juga orang muda-muda tolong pi[pergi] ambik[ambil] buluh kan pastu[selepas itu] buat sekali la.

MA : Oh jadi pernahlah?

T : Ha ya pernah.

MA : Apakah ada ciri khas atau gaya khusus dalam pembuatan wau tradisional Melayu yang membezakan karya Tokwan dengan orang lain?

T : Orang lain macam tu[itu], Tokwan buat macam ni[ini] tak[tidak] sama la kan.

MA : Ouh maksudnya Tokwan guna cara Tokwan dan orang lain guna cara mereka tersendiri, tidak sama?

T : Ha[ya] macam tu.

MR : Ok[baiklah] untuk soalan seterusnya, Bagaimanakah Tokwan menangani permintaan khusus atau pesanan khusus untuk wau tradisional Melayu?

T : Kalau depa[mereka] minta buat, Tokwan buat la satu

MR : Ouh Tokwan boleh buat jelah?

T : Ha[ya] boleh la kalau nak buat jual tu[itu].

MA : Kalau permintaan untuk buat itu susah pun, Tokwan buat juga kah?

T : Ha[ya] bolehlah kalau tu[itu] wau bulan. Wau apapun Tokwan boleh buat.

MA : Maksud saya walaupun susah nak buat adakah Tokwan akan cuba buat?

T : Ha[ya] Tokwan cuba buat jugak[juga] lah. Sebab kalau orang kampung Tokwan minta suruh buat wau ni[ini] tak[tidak] susah mana pun.

MA : Adakah Tokwan pernah melibatkan komuniti lokal dalam proses pembuatan wau tradisional Melayu? Maksud saya di sini macam pernahkah Tokwan melibat orang kampung Tokwan dalam proses membuat wau.

T : Ha[ya] terlibat jugak[juga] lah. Bila buat tu[itu] dia jadi ramai la kan, kalau Tokwan sorang[seorang] tak[tidak] elok tak[tidak] ramai la kan

MR : Tak best lah?

T : Ha [ya].

MA : Bolehkah kami tahu bagaimana Tokwan libatkan komuniti tadi? Seperti orang ramai itu tadi. Tokwan memanggil mereka atau bagaimana?

MR : Bagaimana Tokwan buat bagi mereka itu join Tokwan?

T : Depa[mereka] seronok la kan kita buat ramai-ramai banyak ekor la time tu[itu]
depa[mereka] memang seronok la kan

MR : Oh Tokwan ajak mereka lah?

T : Ha[ya] ajak depa[mereka].

MA : Maksud Tokwan ajak buat macam pertandingan itu kah?

T : Ha[ya] macam tu[itu].

MA : Okay[baike] adakah Tokwan mempunyai plan ataupun rancangan untuk mengembangkan jenis wau tradisional Melayu Tokwan yang lain.

T : Buat masa la ni[ini] takdak[tidak ada] kot[mungkin]. Sebab kalau kita kat[dekat] sini dok[duduk] kata kalau nak buat pun takdak[tidak ada] lah sebab angin sebab kat[dekat] sini dah berapa tahun dah takdak[tidak ada] angin. Kita baru gaya nak ambik[ambil] buluh nak buat wau

MR : Dia ikut musim kah?

T : Ha ya.angin takdak[tidak ada]. Sat[sekejap] ada sat[sekejap] takdak[tidak ada], tak[tidak] macam Tokwan main dulu sampai ke bulan angin, dok[duduk] ingat lah dulu la ni sat[sekejap] ja dulu kalau kata bulan dua belas tu, tu dia angin kencang, kalau tepi laut tak[tidak] pa[apa] la kan sebab dia dok[duduk] angin sedia.

MR : Okay untuk soalan seterusnya adakah Tokwan pernah menghadiri dalam festival atau acara budaya yang menampilkan wau Tokwan?

T : Hmm tak[tidak] pernah.

MR : Soalan seterusnya bagaimanakah Tokwan melibat elemen kreativiti pembuatan wau tradisional Melayu? Macam Tokwan punya kreativiti lah.

T : Oh kalau buat macam tu[itu] Tokwan segan[malas] corak-corak nak bagi elok tu[itu] kan, ha[ya] kalau yang tu Tokwan malas lah sebab kertas bunga-bunga ada dah.

MR : Kalau macam tu[itu] kawan Tokwan yang suruh buat bentuk atau corak itu bagaimana?

T : Kalau macam tu[itu] Tokwan tak[tidak] buat dah

MA : Maksudnya Tokwan hanya siapkan rangka sahaja?

T : Ha[ya] buat rangka saja pastu[selepas itu] untuk corak tu hampa[mereka] beli jala kertas apa yang depa[mereka] mau[hendak] sebab kertas tu[itu] dah ada bunga-bunga siap dah kertas tu[itu].

MR : Okay[baike]lah untuk soalan seterusnya adakah Tokwan pernah mendapat inspirasi dari siapa-siapa kah untuk membuat wau yang Tokwan rasa ingin buat?

T : Untuk buat design tu[itu] takdak[tidak ada] lah Tokwan reka sendiri ja.

MA : Ilham sendiri Tokwan untuk bina sendiri kah Tokwan?

T : Ha[ya] sendiri.

MA : Adakah Tokwan pernah mendengar cerita atau legenda terkenal yang diilham oleh wau tradisional Melayu?

T : Macam mana tu[itu]?

MA : Cerita di sebalik wau bulan?

T : Takdak[tidak ada] cerita.

MR : Bagaimanakah Tokwan mengelola persediaan bahan-bahan untuk membuat wau tradisional Melayu?

T : Kalau macam bahan tu[itu] Tokwan cari dekat-dekat rumah Tokwan ni[ini] ja. Cari buluh tu[itu] pastu[selepas itu] kalau buluh tu[itu] tinggi kita tebang buluh tu[itu] pastu[selepas itu] kita ambik[ambil] buluh tu bawak[bawa] pi[pergi] jemuq[jemur] sebelum jemuq[sebelum] tu kita rendam dulu pas[selepas] kering tu[itu] baru kita ambik[ambil] raut buluh tu[itu].

MR : Adakah Tokwan pernah bergabung untuk membuat design wau Tokwan bersama-sama dengan orang lain kah?

T : Tokwan takdak[tidak ada] gabung dengan siapa pun.

MR : Apakah ada perbezaan antara teknik pembuatan wau tradisional Melayu di berbagai daerah di Malaysia? Contoh macam Tokwan orang Kedah buat wau macam ini, orang Kelantan buat wau macam itu.

T : Perbezaan wau Kelantan dengan wau kita ni[ini] lain sikit, corak dan bentuk wau depa[mereka] tak[tidak] sama dengan wau kita .

MA : - Oh bentuk wau Kedah dengan wau Kelantan tak[tidak] sama ya?

T : Ha[yah] tak sama.

MA : Boleh kami tahu tak adakah mempunyai risiko atau tantangan yang Tokwan hadapi dalam menjaga seni wau bagi generasi yang akan datang?

T : Kalau risiko tu takdak[tidak ada] la.

MR : Untuk soalan seterusnya ini, pernah tak Tokwan disuruh atau diminta untuk membuat wau dengan jumlah yang banyak?

T : Kalau la ni[ini] takdak[tidak ada] lah tapi kalau zaman dulu dalam tahun tujuh puluhan[70] tu ada la dalam tiga[3] biji wau.

MR : Oh kalau macam ada seorang minta sekali terus tiga puluh tu tiada kah Tokwan?

T : Kalau tiga puluh[30] tu[itu] takdak[tidak ada] la.

MA : Okay untuk soalan seterusnya apakah ada langkah-langkah yang Tokwan ambil untuk memastikan bahawa wau tradisional Melayu tetap relevan dengan zaman sekarang?

T : Dia ada memang ada la kan, **hat**[yang] sekarang dengan **hat**[yang] dulu kan beza dia pun lain **jugak**[juga]

MR : Beza dia macam mana itu?

T : Beza dia macam wau bulan **tu**[itu] kan, wau bulan **ni**[ini] beza dia lain **jugak**[juga] setengah lebar macam tu setengah **dak**[tidak], kalau macam **hat**[yang] **ni**[ini] Tokwan buat **ni**[ini] ringkas ja.

MA : Wau Tokwan yang buat sekarang ni buat untuk pameran je lah Tokwan?

T : **Ha**[ya] untuk pameran ja.

MA : Untuk soalan seterusnya apakah pembaharuan atau perkembangan teknologi yang Tokwan terapkan dalam pembuatan wau tradisional Melayu? Maksud dia macam Tokwan buat wau tu adakah Tokwan guna teknologi apa-apa?

T : **Takdak**[tidak ada] guna teknologi apa dah la, nak buat wau **ni**[ini] guna pisau jelah

MR : Macam Tokwan cari ilham kat YouTube tu kah?

T : Cari ilham **kat**[dekat] YouTube apanya **takdak**[tidak ada] la [ketawa].

MA : Bagaimanakah Tokwan menjaga warisan dan nilai-nilai budaya dalam karya membuat wau tradisional Melayu?

T : Nak jaga wau **tu**[itu] kita kena letak tempat elok la kan, kita kalau kena jaga satu benda **tu**[itu] kena letak **kat**[dekat] tempat yang elok takut kucing ka[atau] apa kan

MA : Apakah ada projek khusus atau kerja sama yang Tokwan harapkan dapat Tokwan lakukan dalam pelestarian dan pengembangan seni membuat wau tradisional Melayu?

T : **Takdak**[tidak ada] pengembangan tang^[di] mana dah. Macam kawan-kawan **dok**[duduk] **ajaq**[ajar] kalau macam khusus **tu**[itu] **takdak**[tidak ada] pun. Macam kawan-kawan **mai**[datang] **ajaq**[ajar] buat kat rumah ja la. Wau **ni**[ini] mana ada orang **ajaq**[ajar] buat khusus, **kot**[mungkin] tempat lain **ta**[tidak] **tau**[tahu] la [ketawa].

MR : Untuk soalan seterusnya adakah Tokwan pernah memperkenalkan wau tradisional Melayu kepada masyarakat?

T : Kalau perkenalkan **tu**[itu] ada la **jugak**[juga].

MR : Apakah Tokwan memiliki impian atau tujuan tertentu yang ingin Tokwan capai dalam seni membuat wau tradisional Melayu?

T : Untuk impian ni[ini] takdak[tidak adai] la sebab Tokwan buat wau ni[ini] pun untuk seronok-seronok ja.

MA : Bagaimanakah Tokwan dapat mempertahankan keunikan dan keaslian wau tradisional Melayu dalam menghadapi zaman sekarang?

T : Zaman sekarang dengan zaman dulu kah?

MA : Ha ya zaman dulu Tokwan rasa macam mana pastu[selepas]] zaman sekarang Tokwan buat macam mana?

T : Zaman la ni[ini] jarang orang main, kalau dulu boleh kata tahan jugak[juga] la kan. Rata-rata kampung dok[duduk] main wau, la ni[ini] jarang-jarang kita nak nampak orang main wau ni[ini]. Tapi tu[itu] la kalau bagi tahan ni[ini] tapi tulah wau ni[ini] tak[tidak] hapus ada ja tapi jarang dah lah macam takdak[tidak ada] kat[dekat] sini kat[dekat] lain ada kan.

MA : Adakah Tokwan mempunyai penggemar yang menggemari wau buatan Tokwan?

T : [batuk] tapi kalau lapis dulu minat tu[itu] ada.

MA : Oh orang kampung Tokwan yang minat Tokwan buat wau lah kan?

T : Ha[ya] kalau lapis dulu memang ada, ramai la dulu

MA : Kalau untuk zaman sekarang?

T : Zaman sekarang **takdah**[tidak ada] dah la. Tapi macam kalau Tokwan buat bagi per naik tu ada la **jugak**[juga] kan macam nak kata **takdak**[tidak ada] **tu**[itu] tapi ada tapi **tu**[itu] la Tokwan **tak**[tidak] buat lama dah. Bukan **tak**[tidak] **mau**[mahu] buat tapi tulah angin **takdak**[tidak ada].

MA : Okay[baike]lah dah Tokwan kata zaman dahulu jadi bolehkah kami tahu macam mana Tokwan jaga hubungan Tokwan dengan peminat Tokwan itu agar wau Tokwan ini sentiasa laku?

T : Minat **tu**[itu] minat **depa**[mereka] la kan, ada la **jugak**[juga] tapi **koi**[sejak] **depa**[mereka] malas nak buat pun ada juga sebab tulah angin **takdak**[tidak ada] macam kawan Tokwan **kat**[dekat] rumah **tu**[itu] dulu macam Tokwan la kan **pi**[pergi] cari buluh apa semua **pastu**[selepas itu] gaya **nak**[hendak] buat tu angin **koi**[sejak] **takdak**[tidak ada] **pastu**[selepas itu] **tak**[tidak] boleh buat la **pastu**[selepas itu] buluh jahanam macam tu ja lah, minat dia macam Tokwan la dekat rumah **tu**[itu].

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH TOKOH

MA : Okay untuk bahagian terakhir ni kami ingin mengajukan kepada Tokwan iaitu tentang pencapaian dan anugerah Tokwan, boleh kami tahu sedikit tentang pencapaian dan anugerah Tokwan?

T : Boleh.

MA : Untuk soalan pertama apakah pencapaian terbesar Tokwan dalam kerjaya Tokwan sebagai seniman pembuat wau tradisional Melayu?

T : Mula-mula Tokwan buat wau, wau tu[itu] cantik la kan lepas tu Tokwan dapat anugerah macam piala la kan. Pertama kali Tokwan dapat piala tu[itu] Tokwan kira seronok la kan. Kawan- kawan satu kampung semua seronok. Tokwan cakap “Tokwan dapat piala Tokwan dapat piala” pakat bersorak la kan. Seronok la dari situ Tokwan semangat nak buat wau. Nama Tokwan kira naik nombor Satu[1], kira cepat dia naik, Tokwan dapat anugerah terbesar sekali.

MR : Seterusnya, bagaimana Tokwan merasai dan menghargai pencapaian tersebut?

T : Tokwan hargai seronok la masa **tu**[itu] dapat piala **ni**[ini], seronok tak terkira la kan dapat piala. Kawan- kawan pun seronok la.

MA : Untuk soalan seterusnya adakah Tokwan pernah dapat pencapaian paling bererti bagi Tokwan?

T : Tokwan dapat yang **ni**[ini] la.

MA : Kira tak(tidak) boleh dilupakan sampai sekarang?

T : **Haa**[ya] sampai bila-bila Tokwan tak[tidak] lupa , sampai ke anak cucu tak[tidak] lupa dok[selalu] teringat **kat**[dekat] piala **tu**[itu].

MR : Soalan seterusnya bagaimana Tokwan mengatasi rintangan atau cabaran untuk mencapai pencapaian tersebut?

T : Cabaran itu kira berat **jugak**[juga] la kan nak lawan dengan yang **hat**[jenis] pandai lebih dari kita.

MR : Orang hebat-hebat la.

T : Hebat la kan tapi Tokwan cuba **jugak**[juga] akhirnya Tokwan menang.

MA : Bagaimana Tokwan menilai kepentingan anugerah dalam kerjaya Tokwan?

T : Tokwan dapat anugerah **tu**[itu] boleh kata dalam dua tiga kali dapat.

MR : Adakah terdapat anugerah atau pencapaian yang Tokwan anggap tidak begitu penting bagi Tokwan?

T : Anugerah **tu**[itu] penting tak lah penting sangat tapi seronok dengan kawan-kawan ni seronok la kan.

MA : Kiranya semua anugerah tu penting bagi Tokwan?

T : Ya la penting la.

Ma : Penting dan dapat eratkan lagi tokwan dan kawan – kawan tokwan?

T : Haa[ya] dapat eratkan dengan kawan- kawan.

MA : Okay[baike] untuk soalan yang terakhir kami ingin tanya bagaimanakah Tokwan mengatasi kegagalan dalam mencapai anugerah atau pencapaian yang diinginkan?

MR : Maksudnya macam mana Tokwan mengatasi kegagalan bila Tokwan kalah dalam pertandingan .

MA : Tapi sebelum tu kan Tokwan sebelum ni[ini]masuk pertandingan kiranya Tokwan pernah gagal tak?

T : Pernah jugak[juga]

MA : Masa Tokwan gagal tu bagaimana Tokwan nak[hendak] mengatasi kegagalan itu?

T : Kalau gagal tu Tokwan cuba lagi,bukan kita gagal tak[tidak] buat dah kita cuba lagi.

MA : Tidak putus asa la?

T : Ya.

TAMAT BAHAGIAN 4

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Muhammad Raihan Bin Dulahi dan Muhammad Aswad Bin Aziz menemubual Hashim Bin Baharom yang dilahirkan pada 1954, di Kedah. Temubual ini dijalankan di rumah beliau di Kepala Batas, Kedah, mengenai pengalaman beliau dalam menghasilkan karya wau tradisional Melayu iaitu wau bulan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG		
0.13	Memberitahu nama panggilan	Tokwan
0.40	Memberitahu nama penuh beliau	Baharom bin Hashim
0.52	Memberitahu usia beliau	69 tahun
1.07	Memberitahu tahun beliau lahir	20/11/1954
1.20	Menceritakan di mana beliau lahir dan membesar	Kampung Teluk Gelam
1.57	Menceritakan bilangan adik-beradik beliau	2 orang
2.02	Memberitahu tentang beliau anak yang ke berapa	Anak yang sulung
2.27	Beliau memberitahu nama ayah beliau	Hashim bin Ishak
2.40	Beliau memberitahu nama ibu beliau	Nang Manis binti Mangsat
3.10	Memberitahu cara asuhan ibu bapa beliau kepada beliau	Ayah tokwan kerja JKR , gaji tiga ratus ja sebulan dulu.
3.58	Beliau memberitahu ayah beliau mempunyai berapa orang adik-beradik	3 orang
4.20	Memberitahu tentang nama isteri beliau	Sabariah binti Senawi
4.31	Beliau menceritakan berapa bilangan anak beliau ada	6 orang
5.05	Menceritakan cara beliau mendidik anak beliau	Beliau bekerja di pelbagai tempat untuk menyara anak beliau.

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

6.00	Menceritakan permulaan beliau mendapatkan pendidikan	Sekolah Rendah
6.15	Memberitahu nama sekolah pertama beliau	Sekolah Rendah Kepala Batas
6.28	Memberitahu jarak rumah beliau ke sekolah	Agak jauh
7.24	Beliau berkongsi tentang impian beliau	Ingin mempunyai rumah besar
7.48	Menceritakan tentang anugerah beliau	Beliau tidak pernah sebarang anugerah
8.01	Memberitahu beliau menamatkan zaman persekolahan sejak bila	Beliau tidak ingat
8.35	Menceritakan tentang pengorbanan ibu ayah beliau ketika beliau sekolah dahulu	Tiada pengorbanan
9.00	Menceritakan tentang pengajian jarak jauh	Beliau tidak pernah mengambil pengajian jarak jauh
9.24	Memberitahu siapa pendorong ketika beliau di bangku sekolah	Beliau tiada pendorong yang mendorong beliau ketika di sekolah
9.55	Menceritakan kata-kata terakhir ibu ayah beliau sebelum meninggal	Ibu ayah beliau tidak mempunyai kata-kata terakhir sebelum mereka meninggal

BAHAGIAN C: KERJAYA

10.30	Meminta kebenaran beliau untuk menceritakan cara beliau membuat wau	Beliau memberi kebenaran untuk ditanya tentang cara beliau membuat wau
10.57	Beliau memberitahu siapa yang beri motivasi kepada beliau untuk membuat wau	Daripada orang tua-tua dahulu
11.24	Menceritakan tahun menceburि bidang membuat wau	Dalam tahun 70 an

11.45	Memberitahu orang yang mengajar beliau untuk membuat wau	Pak Teh Halim yang mengajar beliau untuk membuat wau pada ketika itu
12.19	Memberitahu berapa lama untuk siapkan satu buah wau tradisional Melayu	1 hari sudah boleh siap
12.40	Beliau berkongsi bahan untuk membuat wau tradisional Melayu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Buluh duri 2. Kertas 3. Tali 4. Gam 5. Daun ibuih
14.20	Beliau menceritakan warna kegemaran beliau ketika membuat wau	Beliau suka menggunakan warna hijau dan kuning yang melambangkan warna bendera negeri Kedah.
15.07	Memberitahu cabaran ketika membuat wau	Beliau berkata kalau angin kuat wau tidak akan naik
15.35	Menanyakan kepada beliau adakah beliau menggunakan sebarang teknologi untuk membuat wau	Zaman dahulu tiada teknologi untuk membuat wau
16.05	Menceritakan cerita menarik ketika beliau membuat wau pada zaman dahulu	Pernah satu kejadian di mana kawan beliau memotong tali wau beliau di pertandingan wau yang menyebabkan beliau tidak menang no satu
17.00	Memberitahu wau istimewa yang pernah beliau buat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wau kangkang 2. Wau dalam guni
18.02	Menanyakan kepada beliau adakah dengan membuat wau ini beliau menjadi lebih kreatif	Beliau menjawab ya betul
18.25	Menanyakan apakah perasan beliau ketika ada orang menghargai karya beliau	Beliau merasa seronok

18.50	Menanyakan adakah beliau pernah terlibat dalam pameran wau	Beliau menjawab tidak pernah
19.30	Menceritakan cara beliau menjaga wau hasil karya beliau tersebut	Beliau sentiasa menjagai wau hasil karya beliau tersebut agar tidak pernah pupus.
20.00	Memberitahu inovasi yang pernah beliau lakukan terhadap wau beliau	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wau barat 2. Wau kucing 3. Wau helang
21.30	Harapan beliau jika ada yang mahu belajar untuk membuat wau	Beliau berharap orang yang ingin membuat wau dapat belajar daripada beliau untuk membuat wau.
21.51	Menanyakan adakah terdapat faedah wau bulan yang beliau hasilkan terhadap masyarakat	Generasi sekarang sudah kurang minat dengan wau bulan tetapi kalau generasi beliau dahulu banyak yang minat dengan wau bulan ini
22.43	Menceritakan tentang menjaga wau bulan	Beliau menjaga wau bulan yang beliau hasilkan dengan teliti
24.05	Menanyakan adakah beliau mempunyai limit dalam membuat wau	Beliau menjawab beliau tidak mempunyai limit dalam membuat wau
24.25	Memberitahu tujuan beliau membuat wau pada zaman dahulu	Beliau membuat wau hanya untuk seronok sahaja tapi jika ada yang ingin membeli wau hasil karya beliau tersebut, beliau akan menjualnya dengan harga RM30 untuk satu buah wau
24.50	Beliau memberitahu perbezaan wau buatannya dengan buatan orang lain	Wau budaya lain lebih canggih daripada wau buatan beliau
25.30	Beliau menceritakan cerita menarik ketika bermain wau bulan	Wau bulan ini sangat cantik ketika sudah naik tinggi

26.00	Menanyakan tentang kesusahan dalam mendapatkan bahan-bahan untuk membuat wau kepada beliau	Beliau menjawab untuk mencari bahan-bahan untuk membuat wau ini senang sahaja
26.12	Beliau memberi tip untuk menjaga kualiti wau	Untuk menjaga kualiti wau, buluh yang digunakan haruslah buluh yang sudah tua.
27.10	Beliau menerangkan perbezaan wau Melayu yang digunakan untuk tujuan hiasan dan yang digunakan dalam pertunjukan	Wau yang digunakan untuk tujuan untuk pameran ini nampak elok sahaja tetapi tidak kuat ketika bermain di atas langit
27.50	Menanyakan kepada beliau adakah ada risiko wau bulan ini akan hilang di masa akan datang	Beliau menjawab tidak kerana beliau masih melihat ada orang main wau bulan ini pada waktu petang di Yan, Kedah
28.40	Menanyakan adakah beliau pernah bekerjasama dengan orang lain untuk membuat wau	Beliau pernah membuat wau dengan kawan-kawan beliau
29.15	Menceritakan pengalaman beliau ketika membuat wau pada zaman dahulu	Beliau pernah menjemput kawan-kawan beliau untuk membuat wau di rumah beliau
29.55	Beliau menceritakan pertandingan yang pernah beliau ada kan dahulu	Beliau pernah mengadakan pertandingan wau di kampung beliau
30.43	Beliau memberitahu apa yang membuatkan beliau bersemangat untuk membuat wau tradisional Melayu	Beliau sangat semangat apabila membuat wau kerana apabila wau itu sudah naik ke langit, boleh tahan sehari di atas langit
31.30	Beliau memberitahu tip untuk mengekalkan penampilan wau agar kelihatan kukuh	Beliau akan menggunakan buluh yang tua untuk membuat wau dan sebelum itu beliau akan merendam dahulu buluh tua itu di dalam air selama 3-4 hari

33.18	Menanyakan siapa yang menjadi pendorong kepada beliau untuk membuat wau	Kawan-kawan beliau yang menjadi pendorong kepada beliau untuk membuat wau
33.40	Beliau menceritakan eksperimen beliau terhadap wau yang pernah beliau buat dahulu	Beliau pernah membuat wau dengan menggunakan kain peluru putih yang nipis, tapi hasilnya wau itu tidak dapat naik terbang ke langit
35.15	Menanyakan adakah beliau pernah libatkan orang muda dalam membantu beliau membuat wau	Beliau pernah mengajak orang muda untuk membantu beliau dalam mencari buluh dan membuat wau bersama-sama orang muda tersebut
35.32	Menanyakan adakah beliau ada ciri khas dalam membuat wau yang dapat membezakan wau buatan beliau dengan yang lain	Beliau menjawab orang lain buat macam lain dan beliau buat wau macam lain
36.05	Menanyakan adakah beliau pernah membuat wau atas permintaan orang lain	Beliau akan membuat wau jika ada orang yang meminta beliau untuk membuat wau
37.00	Menanyakan adakah beliau pernah mengajak komuniti local untuk membuat wau	Beliau pernah mengajak orang kampung beliau untuk membuat wau bersama
38.10	Beliau menceritakan sebuah rancangan	Beliau ingin membuat wau tapi disebabkan ada masalah angin yang membuatkan beliau berhenti untuk membuat wau
40.00	Menanyakan dari mana beliau mendapatkan ilham untuk membuat wau	Beliau mendapatkan ilham secara tiba-tiba dan sendiri untuk membuat wau
41.20	Menanyakan bagaimana beliau mencari bahan-bahan untuk membuat wau	Beliau mencari bahan-bahan untuk membuat wau seperti buluh itu di dekat rumahnya sahaja

42.11	Menanyakan apakah perbezaan wau Kedah dengan wau Kelantan	Beliau berkata wau bulan Kelantan dengan Kedah ini lain cara pembuatan dan lain dari segi bentuknya
46.15	Beliau memberitahu tip untuk menjaga wau bulan	Untuk jaga wau bulan ini, beliau akan menyimpan wau bulan beliau di tempat yang elok dan tinggi

BAHAGIAN D: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

50.50	Menceritakan pencapaian terbesar beliau dalam kerjaya seni membuat wau	Beliau pernah mendapatkan piala ketika bertanding dalam pertandingan wau.
51.35	Memberitahu perasaan beliau ketika itu	Berasa seronok
52.10	Menceritakan tentang perkara yang tidak dapat dilupakan oleh beliau	Pertandingan yang beliau menang tersebut tidak akan beliau lupakan sampai bila-bila
52.25	Memberitahu tip agar tidak putus asa	Beliau cuba dan cuba buat bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kemenangan
53.17	Memberitahu anggapan beliau terhadap anugerah yang beliau dapatkan	Beliau menganggap semua anugerah yang pernah beliau dapatkan itu penting bagi beliau
53.25	Menceritakan kenapa anugerah itu penting bagi beliau	Beliau dapat mengeratkan lagi hubungan beliau bersama dengan kawannya akibat daripada mendapatkan anugerah tersebut
54.20	Menceritakan cara beliau mengatasi kegagalan	Beliau akan berusaha sehingga lagi sehingga berjaya kerana sekali gagal bukan bermaksud sudah berhenti tetapi harus cuba lagi sehingga berjaya

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 AM	22/04/2023	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat tema tugas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk kumpulan.
8.00 PM	24/05/2023	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat senarai tokoh yang bersetuju untuk di temu bual. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih tokoh iaitu Baharom Bin Hashim.
9.00 PM	27/05/2023	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenali tokoh. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat carian mengenai tokoh di Google dan media sosial untuk menghubungi tokoh.
2.00 PM	01/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar pesanan kepada tokoh 	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar pesanan kepada tokoh melalui '<i>chat box</i>' di platform Facebook
4.00 PM	03/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> • Tokoh memberikan nombor telefon beliau melalui '<i>chat box</i>' 	<ul style="list-style-type: none"> • Menghantar pesanan kepada tokoh melalui WhatsApp setelah mendapatkan nombor telefon beliau.
9.00 AM	10/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi taklimat secara terperinci kepada tokoh mengenai tugas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tokoh memahami dan bersetuju dengan taklimat yang diberikan
10.00 AM	17/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> • Menetapkan tarikh dan tempat untuk sesi temu bual bersama tokoh 	<ul style="list-style-type: none"> • Tokoh bersetuju untuk melakukan pada tarikh dan tempat yang telah ditetapkan iaitu pada 24 Jun 2023 di rumahnya.
10.00 AM	21/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> • Surat Kebenaran (Surat Pengesahan Projek UiTM) 	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapatkan surat kebenaran daripada UiTM

9.00 pagi	24/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> Menghubungi Tokoh 	<ul style="list-style-type: none"> Untuk mengingatinya mengenai sesi temu bual yang akan di adakan jam 5.00 petang di rumahnya
4.30 PM	24/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> Tiba di rumah tokoh 	<ul style="list-style-type: none"> Membuat persediaan kamera dan mikrofon untuk merakam sesi temu bual.
5.00 PM – 6.00 PM	24/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> Sesi temu bual di jalankan 	<ul style="list-style-type: none"> Sesi temu bual di jalankan selama 60 minit di rumahnya.
9.00 PM	24/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pemeriksaan rakaman temu bual 	<ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan video dan rakaman suara temu bual.
8.00 AM	26/06/2023	<ul style="list-style-type: none"> Membahagikan tugas untuk menyelesaikan tugasan transkrip 	<ul style="list-style-type: none"> Membuat transkrip sehingga selesai.
8.00 AM	27/07/2023	<ul style="list-style-type: none"> Transkrip selesai. 	<ul style="list-style-type: none"> Transkrip tamat diselesaikan.
8.00 PM	29/07/2023	<ul style="list-style-type: none"> Menghantar abstrak, '<i>Preliminary Preparation</i>' dan '<i>Proposal</i>' kepada pensyarah. 	<ul style="list-style-type: none"> Menyiapkan dan menghantar tugasan kepada pensyarah di platform Google classroom.

SENARAI SOALAN

TOKOH WAU TRADISIONAL MELAYU: BAHAROM BIN HASHIM

A. LATAR BELAKANG

1. Bolehkah anda bagi nama penuh anda?
2. Berapakah umur anda sekarang?
3. Bolehkah saya tahu tarikh lahir anda?
4. Bolehkah saya tahu tempat lahir anda?
5. Bolehkah saya tahu anda asal dari mana?
6. Jadi sekarang anda menetap di mana?
7. Berapakah bilangan adik beradik anda?
8. Anda anak ke berapa dalam bilangan adik beradik anda?
9. Apakah ayah dan ibu anda masih ada?
10. Bolehkah saya tahu nama ayah anda?
11. Bolehkah saya tahu nama ibu anda?
12. Bolehkah anda ceritakan sedikit tentang cara didikan dan asuhan yang diberikan oleh ibu dan ayah kepada anda dan adik beradik anda?
13. Boleh kami tahu ayah anda ada berapa adik beradik?
14. Siapakah nama penuh isteri anda?
15. Berapakah bilangan anak anda?
16. Bolehkah anda ceritakan sedikit mengenai cara didikan anda kepada anak-anak anda?

B. PENDIDIKAN

1. Ok sekarang bolehkah saya tanya tentang pendidikan awal anda?
2. Baiklah, bolehkah saya tahu anda mula mendapatkan pendidikan sejak bila?
3. Bolehkah anda nyatakan nama sekolah pertama anda iaitu sekolah randah anda ?
4. Jadi sekolah tersebut dekat dengan tempat tinggal anda pada masa itu ataupun jauh dari tempat tinggal anda pada masa itu?
5. Untuk sekolah menengah pula, apakah anda dulu sambung ke sekolah menengah?
6. Setiap pelajar mempunyai cita-cita. Apakah cita-cita anda semasa di bangku sekolah?
7. Jadi bolehkah saya tahu ketika anda bersekolah dahulu, pernahkah anda mendapatkan sebarang anugerah ataupun sijil?
8. Bolehkah saya tahu pada tahun bilakah anda menamatkan zaman persekolahan anda ?
9. Bolehkah anda menceritakan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dan ayah anda ketika anda dan adik beradik anda belajar di sekolah dahulu?
10. Pernahkah anda mengikuti pembelajaran jarak jauh?
11. Adakah ibu bapa anda yang menjadi pendorong anda untuk anda berjaya?
12. Apakah salah satu ungkapan nasihat yang selalu terukir di bibir kedua ibu bapa anda kepada anda?

C. KERJAYA

1. Apakah yang mendorong anda untuk memulai kerja membuat wau tradisional Melayu?
2. Sejak bilakah anda telah menceburi seni membuat wau?
3. Bagaimanakah anda belajar membuat wau tradisional Melayu?

4. Apakah ada seseorang yang mengajarkan anda?
5. Siapakah yang mengajarkan anda untuk membuat wau?
6. Bagaimanakah anda belajar buat wau?
7. Berapa lama waktu yang diperlukan untuk membuat satu wau tradisional Melayu?
8. Apakah bahan-bahan utama yang digunakan untuk membuat wau tradisional Melayu?
9. Adakah wau tradisional Melayu memiliki makna atau simbol khusus?
10. Bagaimanakah anda memilih warna dan corak untuk wau tradisional Melayu?
11. Apakah cabaran terbesar yang pernah anda hadapi dalam membuat wau tradisional Melayu?
12. Bagaimanakah perubahan teknologi telah mempengaruhi proses pembuatan wau tradisional Melayu?
13. Apakah terdapat cerita menarik yang ingin anda bagi tentang membuat wau tradisional Melayu?
14. Apakah karya wau tradisional Melayu yang paling berkesan atau spesial bagi anda?
15. Adakah anda memiliki murid atau mengajar orang lain untuk membuat wau tradisional Melayu?
16. Apakah pengaruh seni dan ketrampilan membuat wau tradisional Melayu terhadap kehidupan anda secara keseluruhan?
17. Bagaimana anda merasa ketika melihat orang lain menghargai dan mengakui karya wau tradisional Melayu yang anda hasilkan?
18. Apakah anda pernah terlibat dalam pameran atau acara khusus untuk memperkenalkan wau tradisional Melayu?
19. Bagaimanakah anda menjaga warisan budaya membuat wau tradisional Melayu agar tetap hidup?

20. Apakah ada inovasi atau perubahan yang anda lakukan dalam membuat wau tradisional Melayu?
21. Apakah impian atau harapan anda untuk masa depan dalam seni membuat wau tradisional Melayu?
22. Apa pesan yang ingin anda sampaikan kepada generasi muda yang tertarik dengan seni membuat wau tradisional Melayu?
23. Apakah faedah wau tradisional Melayu dalam mempererat hubungan sosial dan budaya di komuniti anda?
24. Bagaimanakah anda menjaga kualiti dan keaslian wau tradisional Melayu pada masa kini?
25. Apakah anda memiliki gaya khusus atau ciri khas dalam pembuatan wau tradisional Melayu?
26. Apakah anda melihat adanya perubahan trend dalam permintaan dan populariti wau tradisional Melayu?
27. Apakah ada batasan yang anda hadapi dalam menjalankan kerja membuat wau tradisional Melayu?
28. Apakah tujuan sebenar anda membuat wau?
29. Apakah perbezaan antara wau tradisional Melayu dengan wau dari budaya lain?
30. Apakah ada cerita atau legenda yang berkait dengan wau tradisional Melayu?
31. Apakah anda pernah menghadapi kesulitan dalam memperoleh bahan-bahan tradisional untuk membuat wau?
32. Bagaimanakah anda menjaga kualiti dan ketahanan wau tradisional Melayu?
33. Apakah ada ritual atau proses khusus yang terlibat dalam pembuatan wau tradisional Melayu?
34. Apakah ada perbezaan antara wau tradisional Melayu yang digunakan untuk tujuan hiasan dan yang digunakan dalam pertunjukan tradisional?
35. Apakah ada risiko bahawa wau tradisional Melayu akan hilang atau terlupakan di masa mendatang?

36. Apakah anda pernah bekerja sama dengan seniman lain dalam membuat wau tradisional Melayu?
37. Apakah anda memiliki rancangan untuk mengajarkan membuat wau tradisional Melayu kepada generasi muda?
38. Apakah ada pameran atau acara khusus di mana orang dapat melihat dan mempelajari tentang wau tradisional Melayu?
39. Bagaimanakah anda merayakan dan mempromosikan hasil dalam kerja membuat wau tradisional Melayu?
40. Apa yang membuatkan anda tetap bersemangat dalam membuat wau tradisional Melayu setelah bertahun-tahun?
41. Bolehkah kami tahu bagaimana anda simpan wau bulan anda agar sentiasa kelihatan elok saja?
42. Apakah ada wau tradisional Melayu yang memiliki nilai sejarah?
43. Pernah tak anda menerima sebarang anugerah penghargaan atau pengakuan atas karya wau tradisional Melayu yang anda hasilkan?
44. Bagaimanakah ahli keluarga anda dalam mendukung dan mendorong anda dalam membuat wau tradisional Melayu?
45. Apakah anda ada cerita yang menarik atau peristiwa yang tidak dapat dilupakan yang terjadi dalam perjalanan anda sebagai pembuat wau tradisional Melayu?
46. Bolehkah kami tahu apakah anda pernah menghadapi cabaran dalam menjaga proses dalam membuat wau tradisional Melayu?
47. Pernahkah anda melibatkan orang muda ketika anda membuat wau?
48. Apakah ada ciri khas atau gaya khusus dalam pembuatan wau tradisional Melayu yang membezakan karya anda dengan orang lain?
49. Bagaimanakah anda menangani permintaan khusus atau pesanan khusus untuk wau tradisional Melayu?
50. Adakah anda pernah melibatkan komuniti lokal dalam proses pembuatan wau tradisional Melayu? Maksud saya di sini macam pernahkah anda melibat orang kampung anda dalam proses membuat wau.

51. Bolehkah kami tahu bagaimana anda libatkan komuniti tadi?
52. Adakah anda mempunyai plan ataupun rancangan untuk mengembangkan jenis wau tradisional Melayu anda yang lain?
53. Adakah anda pernah menghadiri dalam festival atau acara budaya yang menampilkan wau anda?
54. Bagaimanakah anda melibat elemen kreativiti pembuatan wau tradisional Melayu?
55. Adakah anda pernah mendapat inspirasi dari siapa-siapa kah untuk membuat wau yang anda rasa ingin buat?
56. Adakah anda pernah mendengar cerita atau legenda terkenal yang diilhamkan oleh wau tradisional Melayu?
57. Bagaimanakah anda mengelola persediaan bahan-bahan untuk membuat wau tradisional Melayu?
58. Adakah anda pernah bergabung untuk membuat design wau anda tu bersama-sama dengan orang lain kah?
59. Apakah ada perbezaan antara teknik pembuatan wau tradisional Melayu di berbagai daerah di Malaysia?
60. Adakah anda pernah mempunyai risiko atau tantangan yang anda hadapi dalam menjaga seni wau bagi generasi yang akan datang?
61. Pernah tak anda disuruh atau diminta untuk membuat wau dengan jumlah yang banyak?
62. Apakah ada langkah-langkah yang anda ambil untuk memastikan bahawa wau tradisional Melayu tetap relevan dengan zaman sekarang?
63. Apakah pembaharuan atau perkembangan teknologi yang anda terapkan dalam pembuatan wau tradisional Melayu?
64. Bagaimanakah anda menjaga warisan dan nilai-nilai budaya dalam karya membuat wau tradisional Melayu?
65. Apakah ada projek khusus atau kerja sama yang anda harapkan dapat anda lakukan dalam pelestarian dan pengembangan seni membuat wau tradisional Melayu?

66. Adakah anda pernah memperkenalkan wau tradisional Melayu kepada masyarakat?
67. Apakah anda memiliki impian atau tujuan tertentu yang ingin anda capai dalam seni membuat wau tradisional Melayu?
68. Bagaimanakah anda dapat mempertahankan keunikan dan keaslian wau tradisional Melayu dalam menghadapi zaman sekarang?
69. Adakah anda mempunyai penggemar yang menggemari wau buatan anda?
70. Bagaimanakah anda menjaga hubungan dengan penggemar wau tradisional Melayu anda?

D. PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

1. Apakah yang pencapaian terbesar anda dalam kerjaya menghasilkan wau tradisional Melayu?
2. Bagaimana anda merasai dan menghargai pencapaian tersebut?
3. Adakah terdapat pencapaian yang paling bermakna bagi anda?
4. Bagaimana anda mengatasi rintangan atau cabaran untuk mencapai pencapaian tersebut?
5. Bagaimana anda menilai kepentingan anugerah dalam kerjaya anda?
6. Adakah terdapat anugerah atau pencapaian yang anda anggap tidak begitu penting bagi anda?
7. Adakah anda pernah gagal?
8. Bagaimana anda mengatasi kegagalan dalam mencapai anugerah atau pencapaian yang diinginkan?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya BAHAROM BIN HASHIM K/P:..... pada
..... 24 JUN 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlulah bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

(Nama tokoh : BAHAROM BIN HASHIM)
Tarikh: 24 JUN 2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

SURAT PENGESAHAN

www.uitm.edu.my



Cawangan
KelantanKampus
Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)
Tarikh : 21 Jun 2023

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

BIL	NAMA	NO. PELAJAR
1	MUHAMMAD RAIHAN BIN DULABI	2022975007
2	MUHAMMAD ASWAD BIN AZIZ	2022974841

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT** bahagian (05) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi **MUHAMMAD RAIHAN BIN DULABI** di talian **011-27239123**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar

RUSLINDA RAZAK
PENOLONG PENDAFTAR KANAN
b.p Rektor

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan
KelantanBukit Ilmu, 18500 Machang,
Kelantan
Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Fax: (+09)9762156
Email : trheakln@kelantan.uitm.edu.my



GAMBAR



Gambar 1: Sesi penyampaian saguhati kepada En. Baharom



Gambar 2: Sesi foto bersama wau hasil karya beliau

INDEKS

A

Ayah 4, 5
Anugerah 38, 40
Anak 3, 18, 39
Angin 14, 30, 37

K

Kampung 2, 29, 36, 38,
Kedah 14, 23
Kelantan 23, 33

L

Belajar 10, 19,
Buluh 12, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 32, 37
Bentuk 16, 22, 33
Boh 23, 25, 27
Bulan 2, 12, 13, 15, 19, 21, 22, 23,
25, 26, 29, 30, 34

N

Nama 2, 38

O

Orang 9, 10, 21, 24, 28, 29, 33, 36

C

Cabaran 14, 28, 40

R

Cucu 18, 39
Raut 10, 20, 32
Rumah 5, 8, 15, 24, 26, 32, 35, 37

D

Daun 12, 13

S

Sekolah 6, 9

G

Generasi 18, 19, 24

T

Tahun 2, 6, 11, 17, 30, 33

I

Ibuih 12, 13

Tempat 5, 16, 35

Tua 10, 22, 26

W

Wau 10, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 19, 21,
22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 33, 34,
35, 36, 38

Z

Zaman 15, 20, 24, 33, 36, 37